

23 FEB 2000

Adnan-Laporan

LAPORAN TANAH RUNTUH DI CAMERON DIHANTAR KEPADA DAIM ESOK

KUANTAN, 23 Feb (Bernama) -- Kerajaan Pahang akan menghantar laporan mengenai kejadian tanah runtuh yang berlaku di Cameron Highlands bagi menangani kejadian itu kepada Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin esok.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini berkata salinan laporan itu hasil dari kajian pelbagai jabatan terbabit turut dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Laporan itu telah dibentang dan kerajaan bersetuju menerima laporan lengkap ini yang meliputi cadangan dan pemulihan secara keseluruhan dan keperluan kewangannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini.

Adnan berkata terdapat rancangan pemulihan jangka panjang manakala rancangan jangka pendek pula melibatkan perbelanjaan sebanyak RM17.8 juta.

Beliau berkata laporan itu menyebut strategi yang digunakan dan langkah seterusnya yang patut diambil termasuk penanaman semula hutan, sistem saliran di Cameron Highlands, menyelaraskan sempadan Pahang dengan Perak dan Kelantan dan larangan membina bangunan tinggi di daerah itu.

Laporan itu disiapkan oleh Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan 2 Feb lepas yang membuat kajian tentang kejadian itu dan mengemukakan langkah seperti yang diarahkan oleh kerajaan negeri ekoran arahan bertulis dari Daim yang telah melawat kawasan itu.

Jawatankuasa itu dianggotai wakil Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Pertanian dan Jabatan Hutan.

Pada 6 Jan lepas, kejadian tanah runtuh di KM86 Jalan Tapah-Cameron Highlands mengorbankan dua nyawa manakala dalam kejadian berasingan di Kampung Raja pula, tiga pekerja Bangladesh dan seorang petani wanita terbunuh.

Adnan juga berkata Anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Abdullah Kia yang dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan selepas diserang angin ahmar semalam kini dalam keadaan stabil.

Abdullah, 54, merupakan speaker Dewan Undangan Negeri selama sepeggal sebelum dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Multimedia dan Perumahan Negeri selepas memenangi kerusi Sanggang pada pilihan raya umum lepas.

-- BERNAMA

SHS MAI